

## **PENEROKAAN MASALAH DAN STRATEGI PEMBELAJARAN TERBAIK BAGI MATA PELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK MURID DISLEKSIA DI DAERAH MUALLIM, PERAK, MALAYSIA**

*Exploring The Problems and The Best Learning Strategies of Arabic Language for Dyslexic Students in Muallim District, Perak, Malaysia*

Nur Sabrina Ramli<sup>1</sup>, Mohammad Taufiq Abdul Ghani<sup>2\*</sup>

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia<sup>1,2</sup>

sabrinaramli00@gmail.com<sup>1</sup>, taufiq@fbk.upsi.edu.my<sup>2</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 30 Mac 2024; **Accepted:** 04 Disember 2024; **Published:** 06 Januari 2025

**To cite this article (APA):** Ramli, N. S., & Abdul Ghani, M. T. (2025). Penerokaan masalah dan strategi pembelajaran terbaik bagi mata pelajaran bahasa arab untuk murid disleksia di daerah Muallim, Perak, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 14(1)*, 45–60. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.4.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.4.2025>

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh murid disleksia dalam mempelajari bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah yang terlibat dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di daerah Muallim, Perak, Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Proses pengumpulan data adalah melalui temu bual separa-berstruktur dengan kaedah pendekatan kumpulan berfokus. Kajian ini melibatkan lapan orang guru bahasa Arab yang memiliki pengalaman dalam mengajar murid-murid disleksia di kelas arus perdana. Hasil dapatan menunjukkan adanya keperluan mendesak untuk mengembangkan strategi pendidikan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan khusus murid disleksia. Masalah utama yang dihadapi oleh murid disleksia ialah kekeliruan aksara bahasa Arab dan literasi asas bahasa Arab. Hasil dapatan juga menunjukkan keperluan strategi khusus untuk murid disleksia seperti bahan bantu mengajar yang perlu dirancang dengan teliti supaya proses pengajaran lebih relevan seperti penggunaan kad imbas dan latihan berulang. Strategi ini diharapkan dapat membantu proses pembelajaran bahasa Arab bagi murid disleksia, dengan menyediakan mereka dengan sumber yang lebih sesuai dengan keperluan pembelajaran khusus mereka. Oleh itu, kajian ini memberikan sumbangan yang penting dalam memahami cabaran pembelajaran bahasa Arab bagi murid disleksia serta keperluan strategi pendidikan khas yang lebih inklusif dan terfokus. Dengan menyedari masalah kekeliruan aksara dan literasi asas bahasa Arab sebagai cabaran utama, strategi pengajaran seperti penggunaan bahan bantu mengajar yang relevan dan latihan berulang mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

**Kata kunci:** Disleksia, bahasa Arab, pengajaran dan pembelajaran, strategi pembelajaran, masalah pembelajaran, kualitatif

### **ABSTRACT**

*This study was conducted with the aim of examining the challenges faced by dyslexic students in learning Arabic in primary schools involved in the Integrated Special Education Program (PPKI) in Muallim district, Perak, Malaysia. This study is a qualitative study. The data collection process is through semi-structured interviews with*

*a focus group approach. This study involves eight Arabic language teachers who have experience in teaching dyslexic students in mainstream classes. The results show that there is an urgent need to develop educational strategies that aim to meet the specific needs of dyslexic students. The main problem faced by dyslexic students is the confusion of Arabic characters and basic Arabic literacy. The findings also show the need for specific strategies for dyslexic students such as teaching aids that need to be carefully planned so that the teaching process is more relevant such as the use of flash cards and repeated exercises. This strategy is expected to help the Arabic learning process for dyslexic students, by providing them with resources that are better suited to their specific learning needs. Hence, the study provides an important contribution to understanding the challenges of learning Arabic for dyslexic students and the need for more inclusive and focused special education strategies. By identifying issues such as confusion with Arabic characters and basic Arabic literacy as the main challenges, teaching strategies like the use of relevant teaching aids and repetitive exercises are deemed capable of enhancing learning effectiveness.*

**Keywords:** *Dyslexia, Arabic language, teaching and learning, learning strategies, learning problems, qualitative*

## PENGENALAN

Disleksia merupakan salah satu daripada bentuk gangguan pembelajaran yang membawa kepada kesulitan berbahasa seperti mengeja, membaca dan menulis yang sering dihadapi oleh kanak-kanak di seluruh dunia. Menurut Abdullah dan Mokhtar (2009) disleksia juga dikategorikan sebagai masalah pembelajaran yang sering terjadi kepada kanak-kanak dan malah kepada orang dewasa. Tidak dinafikan, meskipun terdapat beberapa kategori masalah pembelajaran lain seperti *Slow Learner, Sindrown Down, Kurang Upaya Intelektual, Autism dan Attention Defisit Hyperactive Disoder (ADHD)*, namun disleksia dikategorikan sebagai masalah pembelajaran yang spesifik kerana mereka mempunyai *Intelligence Quotient (IQ)* yang sama seperti kanak-kanak yang normal meskipun mereka sering tidak dapat membaca dengan baik (Sheila & Samsilah, 2006).

Disleksia mula diberi perhatian di Malaysia setelah penggubalan semula Akta Pendidikan 1961 kepada Akta Pendidikan 1996 oleh kerajaan Malaysia. Penggubalan akta ini telah menyediakan klausa yang khusus berkaitan Pendidikan khas dimana hak kesamarataan dalam mendapat pendidikan di institusi dinyatakan (Suzita, 2021). Akhbar Sinar Harian pada April 2021 yang lalu ada menyatakan bahawa kira-kira hampir 500,000 kanak-kanak yang menderita disleksia di Malaysia pada tahun 2020 dan angkanya mungkin meningkat. Kerajaan Malaysia mula memberikan tumpuan khusus kepada murid disleksia apabila Program Rintis Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia telah diperkenalkan pada tahun 2004 (Zulikha et al. 2017). Kementerian Pendidikan Malaysia di bahagian Pendidikan khas telah menghasilkan satu instrumen khusus bagi mengenal kategori murid disleksia yang dikenali sebagai Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD). Hal ini kerana, pengenalan awal terhadap murid disleksia adalah bagi membolehkan guru dan ibu bapa menjalankan program intervensi bagi mengembangkan prestasi akademik murid disleksia. (Zulikha et al, 2017).

Sehubungan dengan itu, penglihatan, pengecaman, pemahaman dan reaksi untuk membaca digunakan oleh setiap orang sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku khususnya dalam pembelajaran yang melibatkan bahasa. Menurut Mailani et al., (2022), bahasa merupakan satu alat yang penting untuk berkomunikasi terutamanya bagi menyampaikan pendapat dan hujah kepada pihak yang lain. Keterampilan dalam menguasai bahasa mampu memberi kesan terhadap cara berkomunikasi dan berinteraksi dengan lebih baik. Terdapat empat keterampilan utama dalam berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Tidak dinafikan, pembelajaran bahasa amat penting bagi setiap individu khususnya kanak-kanak bagi mencapai perkembangan yang baik dalam komunikasi. Oleh itu,

pembelajaran bahasa amat penting untuk pendidikan awal kanak-kanak di negara yang mempunyai pelbagai budaya seperti Malaysia. Pembelajaran bahasa kedua khususnya menjadi keutamaan bagi memenuhi tuntutan kehidupan masing-masing melalui media komunikasi (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018). Namun, bagi murid disleksia yang menghadapi kesukaran dalam membuat diskriminasi fonem dan lemah dalam lisan amat sukar untuk mengikuti proses pembelajaran yang normal seperti murid lain. Akibatnya, mereka sukar untuk membaca dan memahami apa yang dibaca (Nurul Farhanah & Mohd Jasmy, 2018).

Kanak-kanak yang mempunyai masalah disleksia kebiasaannya mengalami masalah bahasa yang serius. Hal ini kerana, disleksia mengalami ketidakupayaan teruk dalam membaca yang melibatkan kesukaran dalam memahami serta menghubungkan antara bunyi-bunyi dan huruf-huruf. Ianya juga merujuk kepada masalah persepsi dalam otak yang menyebabkan kesukaran membaca dan menulis bahasa (Mercer 1991). Oleh itu, pembelajaran bahasa kedua bagi kanak-kanak disleksia perlu diberi perhatian terutamanya pembelajaran bahasa Arab bagi murid disleksia yang beragama islam. Hal ini kerana bahasa Arab memegang peranan penting dalam konteks kehidupan beragama, terutamanya melalui pembacaan aksara Al-Quran yang berpusatkan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan merupakan bahasa kedua bagi golongan yang tidak berketurunan Arab (Afaf et al. 2005).

Meskipun murid disleksia termasuk dalam murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, namun mereka masih tergolong dalam kalangan muslim yang wajib menunaikan perintah Allah s.w.t. Oleh hal yang demikian, amat penting bagi murid disleksia untuk mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa pengantar Al-Quran yang merupakan sumber dan panduan kepada umat islam. Sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, dari Zaid bin Tsabit beliau berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: *'Aku tinggalkan pada kalian dua pusaka iaitu kitabullah dan ahli baitku, keduanya tidak akan berpisah hingga keduanya bertemu denganku di hawd (telaga)'*. Menurut Hasnan et al. (2017), setiap muslim yang berakal mempunyai lima kewajipan terhadap al-Quran iaitu beriman, membaca dengan tajwid, memahami isi kandungannya, mengamalkan serta menyebarkan kepada orang lain. Al-Qardawi juga menekankan bahawa pembelajaran al-Quran yang sepatutnya ada pada diri muslim hendaklah bermula dengan menjaga, membaca, mendengar, mentadabbur, mengamalkan dan menghayati. Oleh itu, setiap muslim tidak dapat tidak perlu mempelajari dan memahami bahasa Arab bagi membaca al-Quran dengan baik.

Walau bagaimanapun, pembelajaran bahasa Arab bagi kanak-kanak disleksia menjadi sangat sukar. Hal ini kerana, kanak-kanak disleksia mengalami masalah untuk memproses maklumat dalam menghubungkan simbol dan visual (Nur Syamira & Harun, 2021). Justeru, bahasa Arab yang menggunakan sistem penulisan alphabet terdiri daripada huruf-huruf yang mewakili bunyi konsonan dan vokal dianggap sukar kepada kanak-kanak disleksia kerana fonem-fonem tersebut perlu diucapkan secara terpisah dari fonem-fonem lain kecuali dalam bentuk kata. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia melalui Akta Pendidikan 1996 telah memberi perhatian kepada murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran. Bagi murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran, kurikulum yang digunakan adalah mengikut kemampuan murid tersebut dan bukan mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti murid-murid normal atau dalam aliran perdana. Namun, murid-murid disleksia tetap akan menggunakan kurikulum yang sama dengan murid-murid normal lain kerana mereka hanya mempunyai masalah kekeliruan dalam mengenali huruf-huruf tertentu sahaja yang menyebabkan mereka dianggap lembab dalam pelajaran. Dengan wujudnya program Pendidikan Khas di Malaysia, kanak-kanak yang mempunyai

masalah pembelajaran seperti disleksia mendapat peluang untuk menerima pembelajaran yang sesuai dan berkualiti (Mohd Zuri & Aznan, 2011).

Oleh itu, pembelajaran bahasa Arab kepada murid disleksia perlu diberi perhatian khusus kerana pembelajaran yang melibatkan murid disleksia memerlukan kepada metodologi dan teknik pengajaran yang sesuai, kreatif dan inovatif bagi menarik minat mereka dan mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai komunikasi dua hala (Azhar & Shamsudin, 2023). Justeru, guru memainkan peranan yang sangat penting kerana murid disleksia bergantung kepada keupayaan guru dalam menyampaikan pembelajaran kerana tingkah laku mahupun penguasaan mereka terhadap suatu pelajaran bergantung kepada hal demikian (Nurul Farhanah & Mohd Jasmy, 2018; Leño, 2022). Oleh itu, kajian yang dijalankan ini dapat mengenal pasti permasalahan murid disleksia dalam mempelajari aksara bahasa Arab bagi mengenal pasti kaedah-kaedah penyelesaian yang terbaik.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Bahasa Arab memegang kedudukan yang istimewa dalam konteks masyarakat Malaysia yang merupakan negara Islam, terutamanya dalam konteks keagamaan (Saiful Johari et al. 2021). Keistimewaan ini merujuk kepada peranannya sebagai bahasa pengantara yang membawa pesan Islam ke seluruh dunia. Selain itu, seluruh amalan ibadah umat Islam memiliki keterkaitan langsung dengan penggunaan bahasa Arab (Muhammad Sabri, 2015). Oleh itu, pendidikan bahasa Arab telah diberi kedudukan yang unik dalam sistem pendidikan di Malaysia (Abdul Razif et al. 2019). Disamping itu, bahasa Arab hanya diakui sebagai bahasa asas dalam sistem pendidikan pondok dan sistem aliran agama pada suatu ketika dahulu, namun kini ianya menjadi salah satu mata pelajaran dalam arus utama pendidikan di Malaysia. Bahkan, bahasa Arab juga ditawarkan di pelbagai peringkat pendidikan formal yang merangkumi peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun pada peringkat pengajian tinggi (Muhammad Sabri, 2015; Abdul Ghani & Wan Daud, 2018).

Pendidikan formal bahasa Arab di Malaysia bermula di peringkat sekolah rendah. Bahasa Arab di sekolah rendah adalah bermatlamat bagi menanam minat untuk mempelajari bahasa Arab dengan menguasai kemahiran berbahasa selain bahasa ibunda di samping bagi meningkatkan keupayaan dalam memahami agama Islam. Pendidikan bahasa Arab di peringkat sekolah rendah telah diperkenalkan pada tahun 1997 menerusi matapelajaran bahasa Arab komunikasi. Kini, bahasa Arab telah menjadi salah satu subjek formal apabila telah dimasukkan kedalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sebagai mata pelajaran elektif yang wajib diambil di kelas aliran perdana (Abdul Razif et al. 2020). Meskipun pendidikan bahasa Arab telah dijalankan di sekolah rendah di aliran arus perdana bagi murid-murid normal, namun bagi murid yang berkeperluan khas seperti disleksia juga terlibat langsung dengan pendidikan bahasa Arab di sekolah. Hal ini kerana, meskipun disleksia dikategorikan sebagai murid bermasalah pembelajaran namun mereka telah dikecualikan dalam menjalankan kurikulum seperti murid-murid bermasalah pembelajaran lain. Malah, murid disleksia akan menggunakan kurikulum yang sama dengan murid-murid normal kerana mereka hanya mempunyai masalah kekeliruan dalam huruf-huruf tertentu sahaja sedangkan perkembangan kognitif dan mental mereka sama dengan kanak-kanak normal yang lain (Mohd Zuri & Aznan, 2011).

Tidak dinafikan, dalam mempelajari sesuatu bahasa memerlukan kepada empat kemahiran yang menjadi keutamaan iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur,

kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran membaca merupakan aspek penting dalam proses perhubungan yang melibatkan aktiviti pembelajaran. Namun, bagi murid disleksia yang mempunyai kesukaran dalam menterjemahkan lambang-lambang bertulis dengan betul sama ada dalam bentuk huruf mahupun suku kata dan perkataan-perkataan menjadi asbab utama mereka mengalami masalah dalam membaca sesuatu teks (Mohd Zuri & Aznan, 2011). Menurut Elaine (2007), kemahiran membaca merupakan asas yang penting kepada penguasaan bahasa. Penguasaan Kemahiran membaca dapat membantu murid dalam menambahkan penguasaan kosa kata dan menguasai bahasa kedua khususnya. Jelaslah bahawa, Kemahiran membaca bukanlah menjurus kepada proses membaca perkataan yang ditulis sahaja, malah sebaliknya iaitu dengan mengambil kira bacaan yang betul dari pelbagai aspek merangkumi isi, tatabahasa, kosa kata dan sebagainya (Izan & Nik Mohd Rahimi, 2020).

Menurut Mega Aisyah Nirmala dan Muhamad Risqi (2015), disleksia memiliki kemampuan membaca yang lebih rendah berbanding murid biasa meskipun mereka mempunyai kecerdasan yang normal. Oleh sebab itu, murid disleksia memerlukan kepada kaedah-kaedah yang khusus dalam mempertingkatkan kebolehan literasi khususnya membaca dan menulis (Vijayaletchumy & Kevenia, 2022). Dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua bagi murid disleksia tidaklah mudah lebih-lebih lagi apabila bahasa Arab mempunyai sistem hurufnya yang tersendiri. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi memberi perhatian kepada kemahiran mengenali aksara dan membaca teks bahasa Arab dalam kalangan murid disleksia di kelas aliran arus perdana. Sehubungan dengan itu, terdapat banyak kajian-kajian lepas berkenaan permasalahan murid disleksia dalam mempelajari sesuatu bahasa. Kajian yang dijalankan kebanyakannya berkaitan dengan permasalahan pada murid disleksia itu sendiri. Namun, dalam sesetengah kajian yang dijalankan ada menekankan bahawa aspek gaya pembelajaran murid disleksia perlu menjadi keutamaan dalam pendidikan yang diberikan kepada mereka. Hal ini demikian kerana, gaya pengajaran yang sesuai amatlah penting dalam memastikan murid disleksia diberikan perhatian dan fokus yang sesuai agar mereka tidak tercicir (Sia & Abu Bakar, 2022).

Oleh itu, kajian ini memberi perhatian kepada permasalahan murid disleksia dalam mempelajari aksara bahasa Arab dan sejauh mana masalah tersebut dapat diselesaikan agar murid disleksia mampu untuk menguasai bahasa Arab. Kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor kelemahan murid disleksia dalam kesukaran membaca teks bahasa Arab ekoran kajian-kajian lepas dengan mengaitkan kajian yang dijalankan dilapangan. Hal ini bagi menentukan pendekatan yang sesuai dalam mengatasi masalah yang berlaku mengikut konteks pendidikan murid disleksia di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan di sekolah rendah kebangsaan yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di daerah Muallim, Perak, Malaysia yang melibatkan guru-guru bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, terdapat tiga buah sekolah rendah yang menjadi keutamaan pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Sekolah-sekolah ini telah dipilih pengkaji kerana terdapatnya murid disleksia di kelas aliran arus perdana yang terlibat dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru, seramai lapan orang guru bahasa Arab yang terlibat dengan murid disleksia di kelas aliran perdana di sekolah-sekolah tersebut menjadi responden kajian ini. Seterusnya, kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temubual separa berstruktur. Kaedah temubual dijalankan dengan menggunakan kaedah strategi berkelompok. Kaedah kualitatif merupakan proses usaha untuk mencari dan

memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk statistik. Justeru, meskipun kaedah ini bertumpukan kepada usaha pengutipan maklumat namun, kaedah ini adalah untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan tumpuan terhadap sampel yang kecil. Seramai 8 orang responden terlibat dalam sesi temubual separa berstruktur ini. Berikut adalah ciri-ciri responden:

1. Guru bahasa Arab dengan lebih daripada lima tahun pengalaman mengajar.
2. Guru bahasa Arab yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan atau setara.
3. Guru tidak mempunyai kepentingan khusus dengan pihak berkepentingan.
4. Guru yang mengajar murid disleksia.
5. Guru dapat memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Hasil kajian melalui kaedah kualitatif yang berfokuskan temubual kepada responden telah dianalisis oleh pengkaji melalui teknik analisis tematik. Menurut Braun & Clarke (2006), analisis tematik dilihat sebagai kaedah asas bagi menganalisis data kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan pola (tema) dalam data. Pengkaji telah menggunakan salah satu daripada kaedah analisis tematik bagi mendapatkan data iaitu proses transkripsi di mana data temu bual dan rakaman video diterjemahkan ke dalam teks. Transkripsi berlaku selepas temu bual separa berstruktur dengan responden. Proses ini memfokuskan gambaran keseluruhan, terutamanya petunjuk bukan lisan. Justeru, proses transkripsi memerlukan kajian yang teliti kerana idea-idea utama dicatat untuk memudahkan analisis pada fasa seterusnya (Hanani Ismail, 2017).

## **HASIL DAPATAN**

### **A. Masalah yang dihadapi oleh Murid Disleksia dalam Pembelajaran**

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji bersama lapan orang responden berdasarkan empat soalan yang telah diutarakan untuk mencapai objektif kajian iaitu penerokaan masalah yang dihadapi oleh murid disleksia dalam mengenali aksara bahasa Arab dapat dikategorikan kepada dua tema utama iaitu gaya pembelajaran dan kemahiran. Melalui temu bual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa tahap tumpuan murid disleksia merupakan salah satu aspek yang menjadi permasalahan dalam pembelajaran aksara bahasa Arab. Hal ini telah dinyatakan oleh responden kedua yang mengatakan:

*“Mereka kurang fokus dalam kelas. Haaa...banyaknya dia macam lebih pada dunia dia sendirilah. Haaaa. dia kuranglah macam dalam lima ke sepuluh minit kalau kita bagitahu apa-apa sesuatu nak suruh bua tapa lepas tu dia buat tengok sekejap lepas tu fikiran dia ada tempat lain dah.” (1.11).*

Hal ini turut disokong oleh responden keempat, dimana murid disleksia mempunyai masalah dalam memberi tumpuan kepada proses pembelajaran.

*“..kedua, kurang tumpuan yang mana seperti yang kita tahu murid disleksia ni tumpuannya sekejap saja untuk belajar dan dia akan buat benda lain. Fokus mudah hilang..” (1.8).*

Melalui temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa masalah yang sering dihadapi oleh murid disleksia dalam pembelajaran bahasa Arab ialah berpunca daripada tahap kognitif mereka yang lemah. Hal ini telah dinyatakan oleh responden pertama:

*“Faktornya mungkin keadaan murid itu sendirilah dari segi dia punya tahap penguasaannya dia mungkin diberi pendedahan tetapi susah nak menerimalah ha, macam tu..” (1.9).*

Selain itu, responden kajian turut menyatakan bahawa bukan sahaja tahap tumpuan mereka lemah namun mereka juga mempunyai masalah dalam memahami dan mengingati aksara bahasa Arab yang telah dipelajari. Hal ini dinyatakan oleh responden kelima :

*“Kalau murid-murid macam ni dia satu lagi dia susah sikit nak mengingat, hari ni kita dah tegur, kita dah tunjuk dia cara tulisan betul, kita kata daripada kanan ke kiri nanti bila waktu kelas yang lain bila dah latihan dia tulis kiri ke kanan juga memang selalulah selalu kena tegur selalu kena ingatkan macam tu.” (1.12).*

Dalam pada itu, bagi tema kedua iaitu kemahiran, dibawahnya terdapat dua subtema iaitu kemahiran membaca yang menyoroti kesulitan yang dihadapi oleh murid disleksia dalam membaca aksara bahasa Arab dan kemahiran menulis yang membincangkan kesukaran yang dihadapi oleh murid disleksia dalam menulis aksara bahasa Arab. Pada subtema pertama iaitu kemahiran membaca, pengkaji mendapati bahawa murid disleksia mempunyai masalah dalam membaca aksara bahasa Arab. Hal ini bertepatan dengan kenyataan responden keempat:

*“...murid-murid ini gagal untuk menterjemahkan bentuk-bentuk aksara bahasa Arab maksudnya murid disleksia ni selalunya sukar untuk membaca tulis-tulisan kerana keliru dengan bentuk-bentuk aksara bahasa Arab..” (1.6).*

Hal ini turut disokong oleh responden ketujuh dengan menyatakan bahawa murid disleksia gagal untuk membezakan bentuk dan bunyi huruf.

*“Masalah yang sering dihadapi oleh murid disleksia adalah yang pertama masalah membaca, masalah menulis dan juga masalah mengira. 3M tu lah. Masalahnya adalah seperti gagal membezakan huruf berbentuk HA (هـ) dengan HA (ح). Gagal membezakan huruf yang sama. Gagal membezakan huruf yang terbalik. Huruf FA (ف) huruf QOF (ق). Huruf BA (ب) TA (ت) TSA (ث) pon mereka gagal membezakan bunyi huruf. Gagal membezakan sebutan huruf, huruf huruf FA (ف), huruf KAF (ك), gagal membunyikan huruf RA (ر), gagal membezakan bunyi huruf yang hampir sama, huruf TSA (ث) ngan huruf SIN (س)...” (1.14).*

Seterusnya, bagi subtema kedua iaitu kemahiran menulis, pengkaji mendapati bahawa murid disleksia juga sering mengalami masalah dalam kemahiran menulis. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan daripada responden pertama:

*“...apabila kita ajar teknik penulisan daripada atas ke bawah kanan ke kiri dia mudah apa ni memahami tetapi disebaliknya kalau murid disleksia ni dia tak faham kadang cara dia menulis itu mengambil masa yang lama untuk menulis dan huruf yang ditulis tu tidak berbutir maksudnya tidak difaham oleh guru itu sendirilah kadang terbalik juga kan ha macam tulah” (1.1).*

Selain itu, pernyataan ini turut disokong oleh responden ketiga dimana beliau mengatakan bahawa kebiasannya murid disleksia menghadapi masalah dalam menulis aksara bahasa Arab.

*“...biasanya masalah yang dihadapi tu kan lebih kepada penulisanlah kadang-kadang itu biasanya dia lebih kepada cara untuk menuliskan kan cara menulis tu sepatutnya dari kanan ke kiri atau kiri ke kanan macam rumi biasanya..” (1.5).*

Kesimpulannya, melalui temubual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua aspek utama dalam permasalahan yang sering dihadapi oleh murid disleksia iaitu dari segi kemahiran dan tahap kognitif mereka. Melalui hasil dapatan kajian, perbincangan berkenaan masalah murid disleksia dalam pembelajaran aksara menjadi lebih jelas dimana mereka mempunyai masalah dalam kemahiran menulis dan membaca. Tambahan lagi, mereka juga mempunyai fokus yang lebih rendah berbanding murid normal lain dan mempunyai tahap kognitif yang lebih rendah. Justeru, penekanan pada dua tema utama dan empat subtema daripada dapatan kajian ini memberikan struktur yang jelas dalam menganalisis masalah-masalah yang dihadapi oleh murid disleksia dalam pembelajaran aksara bahasa Arab. Analisis ini menjadi landasan penting untuk merumuskan implikasi dan saranan bagi peningkatan pendekatan pembelajaran yang sesuai untuk mereka.

## **B. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Terbaik bagi Murid Disleksia**

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji bersama lapan orang responden bagi menjawab tiga soalan yang telah diutarakan demi mencapai objektif kedua, hasil kajian untuk mengkaji pendekatan pembelajaran aksara bahasa Arab bagi murid disleksia dapat dikelompokkan kepada dua tema utama, iaitu persekitaran dan bahan bantu mengajar (BBM). Tema pertama, iaitu persekitaran, merangkumi satu subtema, iaitu alam sekitar. manakala, tema kedua, bahan bantu mengajar (BBM), pula terbahagi kepada dua subtema, iaitu kad imbasan dan latih tubi.

Tema pertama iaitu persekitaran terdapat satu subtema yang dibincangkan iaitu alam sekitar. Melalui temu bual yang dijalankan, kajian mendapati bahawa pendekatan pembelajaran aksara bahasa Arab yang melibatkan persekitaran mampu membantu murid disleksia dalam mengingat dan mengenali aksara bahasa Arab. Hal ini telah dinyatakan oleh responden pertama yang mengatakan:

*“....saya kalau saya bawa murid tersebut keluar pastu kita akan carilah macam perkataan ataupun benda di sekeliling yang bermula dengan huruf-huruf lah contohnya kita kata apa contohnya ada apa haiwan yang haiwan tu kucing ke kan. Qof kan qof قف contoh macam tulah apa yang benda alami yang disekeliling la..” (1.1).*

Seterusnya, bagi tema kedua bahan bantu mengajar (BBM) terdapat dua subtema iaitu kad imbasan dan latih tubi. Subtema pertama, kad imbasan, memberikan pendekatan yang lebih menarik dalam pengajaran aksara bahasa Arab. Hal ini kerana, kad imbasan dapat dijadikan sebagai alat bantu yang dapat memberi gambaran huruf-huruf dengan cara yang menarik, memudahkan pemahaman, dan merangsang minat murid seperti yang dinyatakan oleh responden ketiga:

*“.....kan biasa kita guna bahan bantu mengajar yang biasalah yang mungkin kita boleh guna juga kalau macam kad-kad tu lah kad-kad. Kalau macam kad imbasan tu kan macam bila kita tayang tu dia macam lagi senang ingatkan..” (1.4).*



Disamping itu, subtema kedua iaitu latih tubi, memberi penekanan kepada latihan berulang-ulang untuk memastikan murid mampu untuk mengingat dan memahami aksara bahasa Arab yang telah dipelajari. Pendekatan ini melibatkan latihan-latihan yang berfokus pada penguasaan huruf-huruf secara mendalam melalui latihan-latihan yang bersifat berulang dan terarah. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh responden ketiga:

*“...kalau pendekatan tu lebih kepada latih tubi untuk sebutlah banyak kali sebut kita sebut dia ikut jadi lebih pada latih tubi ulang-ulang tu sebab tahap ingatan dia jugalah kan kadang dia tak ingatlah. Hari ini mungkin kita ajar dia lepas tu dia tak ingat dah ataupun kadang dalam masa yang dekat pun dia tak ingat kan..” (1.3).*

Kesimpulannya, melalui hasil dapatan kajian yang telah diperoleh melalui temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati pendekatan pembelajaran aksara bahasa Arab yang mengaitkan persekitaran mampu membantu murid disleksia dalam mengingat dan memahami bentuk dan bunyi setiap aksara. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan kad imbasan sebagai bahan bantu mengajar menunjukkan keberkesanan dalam menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan memudahkan pemahaman aksara bahasa Arab. Hal ini kerana, kad imbasan membantu dalam memberi gambaran huruf-huruf secara lebih jelas dan merangsang minat murid. Tambahan lagi, dengan pendekatan latih tubi yang menitikberatkan pada latihan berulang-ulang merupakan satu kaedah yang mampu untuk memperkuat pemahaman dan penguasaan aksara bahasa Arab dalam kalangan murid disleksia. Justeru, latih tubi dapat memberikan ruang bagi murid disleksia untuk mengulang kaji dengan teratur dan memahami konsep aksara bahasa Arab secara mendalam. Oleh itu, pendekatan pembelajaran yang menggunakan persekitaran sebagai medium pengajaran, kad imbas sebagai bahan bantu yang interaktif dan pendekatan latih tubi yang berfokus pada latihan berulang-ulang sesuai bagi meningkatkan pembelajaran aksara bahasa Arab bagi murid disleksia.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

### **A. Masalah Yang Dihadapi oleh Murid Disleksia Dalam Mengenali Aksara Bahasa Arab**

Disleksia merupakan salah satu gangguan dalam pembelajaran yang umumnya dialami oleh anak-anak dengan kesulitan belajar. Justeru, disleksia bukanlah penyakit, melainkan suatu keadaan neurobiologis yang memengaruhi kemampuan membaca, mengeja, dan merespon maklumat tulisan. Gangguan ini dapat memberi kesan kepada kemampuan seseorang dalam mengenali huruf, menghubungkan huruf dengan suara, serta mengolah dan memahami informasi bertulis (Zainal & Suhaila, 2010). Menurut Norzila (2018), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) untuk disleksia di Malaysia sangat terhad. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa enggan untuk memindahkan anak-anak mereka yang mengalami disleksia ke sekolah lain kerana faktor logistik. Pihak sekolah selalunya akan memberi cadangan kepada ibu bapa untuk menempatkan murid yang mengalami disleksia ke dalam program pendidikan khas. Namun, perlu diingatkan bahawa cabarannya sangat besar mereka belum tidak di dalam kelas pendidikan khas atau kembali ke dalam kelas aliran perdana, kerana sistem pendidikan cenderung memihak kepada pelajar tanpa masalah pembelajaran. Melalui temu bual yang telah dijalankan bersama lapan orang guru bahasa Arab di aliran arus perdana yang terlibat dengan murid disleksia, hasil dapatan menunjukkan terdapat dua tema berkaitan masalah yang sering dihadapi murid disleksia dalam mengenali aksara bahasa Arab iaitu kemahiran dan gaya pembelajaran. Hasil kajian ini menekankan pentingnya memahami sifat unik masalah yang dihadapi oleh murid disleksia dalam pembelajaran bahasa Arab, terutamanya cabaran mengenal aksara dan gaya pembelajaran. Murid disleksia memerlukan pendekatan fleksibel dan berpusatkan murid, seperti penggunaan alat visual, teknik berulang, dan strategi kinestetik

yang dapat mengukuhkan hubungan antara aksara dan bunyi dalam bahasa Arab. Kekangan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Malaysia juga menyerlahkan keperluan untuk memperluaskan akses ke program ini agar murid tidak perlu berpindah jauh dari tempat tinggal mereka. Selain itu, sistem pendidikan harus menyediakan sokongan menyeluruh melalui latihan guru, bahan pembelajaran yang relevan, dan kerjasama dengan ibu bapa untuk memastikan keperluan murid disleksia dipenuhi secara holistik. Kajian ini mencadangkan perlunya penyelidikan lanjutan untuk membangunkan strategi pedagogi yang lebih spesifik serta memperkuat penglibatan komuniti dalam membantu murid disleksia mencapai potensi penuh mereka.

### **Masalah Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Kalangan Murid Disleksia**

Tidak dinafikan, disleksia merupakan salah satu gangguan pembelajaran yang lazimnya mengalami kesulitan untuk mengeja, membaca, menulis dan mengira. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, masalah yang sering berlaku kepada murid disleksia dalam mempelajari aksara bahasa Arab adalah dari segi kemahiran membaca. Menurut Zainal dan Suhaila (2010), disleksia adalah gangguan terhadap kemampuan membaca di mana kemampuan membaca individu tersebut berada di bawah tahap yang sepatutnya, dengan mempertimbangkan tingkat kecerdasan, usia, dan pendidikannya. Gangguan ini bukanlah masalah fizikal seperti masalah penglihatan, tetapi lebih berkaitan dengan fungsi otak yang memproses dan mengolah maklumat yang sedang dibaca oleh kanak-kanak tersebut.

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, masalah yang sering dialami murid disleksia dalam mempelajari aksara bahasa Arab adalah kesukaran membaca. Hal ini kerana, murid disleksia mengalami masalah apabila berhadapan dengan dua jenis bentuk huruf yang kompleks iaitu bahasa ibunda (bahasa Melayu) dan bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Justeru, hal ini menyukarkan mereka apabila terdapat huruf konsonan yang hampir sama dalam bahasa Arab seperti huruf *ب, ث, ت* yang akan menyebabkan murid disleksia mengalami kekeliruan (Nur Syamira & Harun, 2021). Melalui hasil temu bual, responden menyatakan bahawa murid disleksia gagal untuk menterjemah bentuk-bentuk aksara bahasa Arab yang menyebabkan mereka mengalami kesulitan dalam membunyikan aksara bahasa Arab. Hal ini kerana, kanak-kanak disleksia mengalami kesukaran dalam mempelajari komponen-komponen kata dan ayat, secara zahirnya menunjukkan perkembangan bahasa yang lambat dan hampir selalu bermasalah dalam membaca, menulis dan mengeja (Zainal & Suhaila, 2010).

Selain itu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa murid disleksia juga mengalami masalah dalam kemahiran menulis aksara bahasa Arab. Pengkaji mendapati, separuh daripada responden menyatakan bahawa murid disleksia mengalami kesulitan dalam menulis aksara bahasa Arab. Hal ini kerana, mereka selalu membuat kesilapan dalam arah penulisan seperti penulisan aksara Arab yang sepatutnya bermula dari kanan namun dimulakan dari kiri dan kadang mereka menulis aksara bahasa Arab dari bawah keatas. Menurut Sulistiyaning Putri Utami dan Lulus Irawati (2017), kanak-kanak disleksia cenderung mempunyai tulisan tangan yang buruk dan sering kali menulis huruf dalam posisi terbalik. Fenomena ini disebabkan oleh kecenderungan kanak-kanak disleksia untuk mengenali huruf secara terbalik, yang disebabkan oleh kurangnya kemampuan fonologi. Justeru, kurangnya kemampuan ini dapat mempengaruhi kemampuan kognitif mereka, terutama dalam aspek menulis dan mengenali bentuk huruf secara betul.

Kesimpulannya, kajian ini menyoroti cabaran utama yang dihadapi oleh murid disleksia dalam mempelajari bahasa Arab, terutama dalam aspek membaca dan menulis, yang

disebabkan oleh kekeliruan aksara serta kekurangan kemampuan fonologi. Murid disleksia menghadapi kekangan untuk memahami dan mengenali huruf bahasa Arab, yang sering kali mengakibatkan kekeliruan antara huruf yang serupa dan kesilapan dalam arah penulisan. Kekangan ini bukan sahaja mempengaruhi kemahiran asas mereka tetapi juga memberi kesan kepada perkembangan kognitif mereka secara keseluruhan. Oleh itu, penting untuk sistem pendidikan menyediakan pendekatan pembelajaran yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan murid disleksia. Langkah ini melibatkan penggunaan alat bantu visual, pendekatan fonetik, kaedah pengajaran berulang, serta latihan khas kepada guru untuk memastikan mereka lebih bersedia dalam mendidik murid dengan keperluan khas. Selain itu, bahan bantu mengajar yang lebih relevan dan terancang perlu diperkenalkan untuk meningkatkan kebolehpasaran pembelajaran murid disleksia. Dengan menyediakan sokongan pendidikan yang lebih holistik dan disesuaikan, murid disleksia bukan sahaja dapat mengatasi cabaran mereka dalam pembelajaran bahasa Arab tetapi juga dapat memanfaatkan potensi mereka secara maksimum dalam bidang akademik dan sosial.

### **Masalah Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Murid Disleksia**

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa, gaya pembelajaran murid disleksia juga merupakan salah satu masalah yang sering dihadapi oleh mereka. Menurut Faridah et al. (2022), gaya pembelajaran adalah cara bagaimana murid menyerap dan menyusun maklumat yang diterima. Hal ini menerangkan tentang bagaimana cara seseorang individu menumpukan perhatiannya untuk memahami dan mengingati sesuatu maklumat atau kemahiran baru. Melalui temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat masalah dalam gaya pembelajaran murid disleksia melalui kurangnya fokus mereka. Separuh daripada responden bersetuju akan masalah ini. Individu yang mempunyai masalah disleksia mempunyai konsentrasi yang lemah. Oleh kerana itu, proses pembelajaran menjadi sukar bagi guru apabila mereka tidak mampu memberi tumpuan terhadap pengajaran.

Tambahan lagi, menurut Nur Syamira dan Harun (2021), kesulitan yang dihadapi oleh murid disleksia dalam membaca dan menulis mampu memberi kesan kepada keadaan emosi mereka. Reaksi yang seringkali muncul termasuk perasaan kecewa, sedih, dan putus asa, dapat mengakibatkan mereka untuk menghentikan aktiviti pembacaan dan penulisan. Keadaan ini menciptakan tekanan tambahan pada murid disleksia, yang boleh mempengaruhi kemampuan mereka untuk berfokus di dalam kelas. Oleh itu, perhatian terhadap aspek emosi ini menjadi penting dalam merancang pendekatan pembelajaran yang berkesan bagi mereka yang menghadapi kesulitan disleksia.

Seterusnya, hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap kognitif murid disleksia juga sering menjadi masalah dalam mengenali aksara bahasa Arab. Lebih separuh daripada responden menyatakan bahawa murid disleksia mempunyai kelemahan dalam tahap kefahaman dan ingatan mereka. Hal ini kerana, mereka didapati mempunyai tahap kefahaman yang lebih rendah berbanding murid normal yang lain. Justeru, ia menjadi masalah utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran aksara bahasa Arab. Disleksia diakui sebagai masalah kognitif. Ini kerana, kanak-kanak disleksia mengalami masalah fonologi dalam menyusun pengkodan yang berkaitan dengan hubungan sistematik antara huruf dan bunyi. Umumnya, mereka menghadapi kesulitan dalam membezakan perkataan yang hampir sama, seperti 'paku' dan 'pasu'. Oleh kerana itu, mereka sukar untuk memberikan tumpuan dalam proses pembelajaran. Selain itu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid disleksia mengalami masalah dalam mengingati aksara bahasa Arab. Walaupun murid disleksia diakui memiliki kecerdasan yang normal, mereka menghadapi kesulitan untuk mengingat kembali

perkataan yang telah dibaca. Fenomena ini disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh murid disleksia, terutamanya yang memiliki bentuk pemahaman visual. Mereka cenderung melihat perkataan yang dibaca dalam bentuk yang berbeza dan bercelaru, menciptakan cabaran tambahan dalam proses mengingat perkataan dan membina kebolehan membaca secara efektif (Shaywitz et al., 2003).

Menurut Mohd Zuri dan Aznan (2011), murid disleksia turut menghadapi masalah dalam ingatan jangka pendek. Ini sejajar dengan kenyataan responden yang menyatakan bahawa murid disleksia cenderung untuk mudah melupakan apa yang telah mereka pelajari. Keadaan ini berlaku kerana kanak-kanak disleksia mengalami kesulitan dalam memproses maklumat yang baru masuk, sambil berusaha untuk mengambil maklumat dari stor ingatan jangka panjang mereka. Proses ini termasuk pengumpulan maklumat dari stor ingatan jangka pendek untuk penggunaan pada masa yang sama. Ringkasnya, murid disleksia menghadapi kesulitan dalam mengingati arahan-arahan panjang atau maklumat yang melibatkan jumlah yang besar.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan adanya dua masalah utama dalam pembelajaran aksara Bahasa Arab bagi murid disleksia, iaitu masalah kemahiran membaca dan menulis, serta masalah tahap kognitif mereka yang melibatkan kurangnya fokus dan masalah ingatan. Oleh itu, penting bagi guru untuk memberikan tumpuan khusus kepada kedua-dua masalah ini dalam usaha membantu merancang proses pembelajaran yang lebih efektif bagi murid disleksia. Pendekatan yang bersifat holistik dan inklusif perlu diambil kira untuk memastikan keperluan khusus murid disleksia dapat dipenuhi dalam konteks pengajaran aksara bahasa Arab.

## **B. Strategi Pembelajaran Aksara Bahasa Arab Untuk Murid Disleksia**

Menurut Nurul Farhanah dan Mohd Jasmy (2018), guru memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid disleksia. Hal ini kerana, murid disleksia memerlukan kepada Teknik dan metodologi pengajaran yang sesuai supaya dapat menarik minat mereka. Melalui temu bual bersama lapan orang responden, pengkaji mendapati dua tema utama dalam pendekatan pembelajaran aksara bahasa Arab yang sesuai bagi murid disleksia iaitu persekitaran dan bahan bantu mengajar (BBM).

### **Persekitaran**

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, antara pendekatan pembelajaran aksara bahasa Arab yang sesuai bagi murid disleksia ialah dengan menggunakan persekitaran sebagai alat bantu mengajar. Hal ini telah dinyatakan oleh dua orang responden dimana mereka menyamakan benda-benda disekeliling dengan aksara bahasa Arab bagi memudahkan murid disleksia mengingat bentuk dan bunyi aksara bahasa Arab. Sebagai contoh, bentuk huruf  $\text{و}$  yang disamakan dengan bentuk buah pisang membantu murid disleksia dalam mengingat aksara tersebut. Menurut Sharifah Nawirah (2016), manusia berfikir dalam dua cara iaitu mod lisan (verbal) dan mod bergambar (visual). Namun, bagi individu yang menghadapi masalah disleksia, pemikiran utama mereka merupakan pemikiran secara visual. Justeru, individu yang mengalami disleksia cenderung berfikir secara semuala jadi melalui imej mental atau deria dan bukannya perkataan atau ayat. Oleh kerana itu, murid disleksia yang cenderung berfikir melalui imej mental dan imej sensori mampu untuk memahami pembelajaran yang melibatkan bahan maujud.

Jelaslah bahawa proses pembelajaran melalui penggunaan elemen visual, seperti mengaitkan benda-benda di sekitar mahupun melalui ilustrasi, dapat membantu murid disleksia dalam mempelajari aksara bahasa Arab dengan lebih berkesan. Hal ini kerana melalui visual mampu menyediakan gambaran yang lebih jelas dalam membantu murid disleksia untuk memahami konsep-konsep yang diajarkan dengan lebih baik. Pendekatan ini memanfaatkan daya tarik visual dalam membentuk pemahaman dan pembelajaran, sesuai dengan keperluan khusus yang dihadapi oleh murid disleksia. Oleh itu, integrasi elemen visual dalam proses pengajaran dapat menjadi strategi yang efektif untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran mereka dalam mengenali aksara bahasa Arab.

Oleh itu, penggunaan elemen visual sebagai alat bantu mengajar merupakan pendekatan yang sangat efektif dalam membantu murid disleksia mempelajari aksara bahasa Arab. Dengan mengaitkan aksara dengan benda-benda di persekitaran atau melalui imej yang mudah dikenali, murid disleksia dapat membentuk gambaran mental yang jelas, memudahkan mereka mengingat dan memahami bentuk serta bunyi aksara bahasa Arab. Pendekatan ini sejajar dengan keupayaan pemikiran visual yang dimiliki oleh murid disleksia, di mana mereka lebih cenderung memahami maklumat secara visual berbanding lisan. Oleh itu, integrasi bahan visual yang kreatif dan relevan dalam proses pengajaran bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pembelajaran, tetapi juga memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bermakna untuk murid disleksia.

### **Bahan Bantu Mengajar**

Menurut Nur Syafiqah dan Nurul Nazirah (2018), bahan bantu mengajar (BBM) merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran. BBM merangkumi semua benda yang boleh dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikisahkan, dihidu, digunakan dan sebagainya. Ia merujuk kepada peralatan atau bahan yang digunakan guru semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat dua bahan bantu mengajar yang membantu murid disleksia dalam mempelajari aksara bahasa Arab iaitu kad imbasan dan latih tubi.

Melalui temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kad imbasan merupakan satu medium pembelajaran yang berkesan dalam pembelajaran aksara bahasa Arab kepada murid disleksia. Hal ini kerana, murid disleksia mengalami kesulitan dalam memberi tumpuan kepada maklumat yang dibaca di atas kertas putih. Oleh kerana itu, salah satu cara yang dapat digunakan bagi mengatasi masalah ini adalah dengan menggunakan variasi warna melalui media kad imbasan (Nur Laili Maghfiroh & Ariga Bahrodin, 2022). Kad imbasan adalah kad kecil yang mengandungi gambar, teks, dan simbol-simbol yang dapat membantu murid mengingat informasi yang terkandung di dalamnya. Kad imbasan berfungsi sebagai alat bantu pembelajaran yang memberikan stimulus visual kepada murid dan membantu mereka memahami maklumat dengan cara yang lebih menarik dan efektif. Dengan melibatkan unsur gambar, teks, dan simbol, kad imbasan memudahkan proses pengingatan dan penguasaan konsep-konsep pembelajaran, khususnya bagi murid yang menghadapi kesulitan seperti disleksia. Pendekatan ini dapat meningkatkan daya ingat dan pemahaman mereka dalam memproses maklumat secara lebih visual.

Menurut Pangastuti (2017), penggunaan kad imbasan dalam pembelajaran murid disleksia terbukti dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran membaca. Hal ini kerana, media kad imbasan yang menggunakan variasi warna dan gambar dapat menarik minat murid disleksia. Visualisasi tersebut membantu mempermudah murid disleksia dalam mengenal dan

mengingat huruf-huruf pada setiap kad dan membolehkan mereka untuk membina kemahiran membaca dengan lebih berkesan. Pendekatan ini menggabungkan unsur-unsur visual yang menarik dan dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan efektif bagi murid disleksia, sesuai dengan keperluan khusus mereka dalam proses pembelajaran huruf dan membaca. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kad imbasan dapat menarik perhatian dan memudahkan pemahaman murid disleksia ekoran pernyataan responden yang menyatakan bahawa murid disleksia lebih mudah untuk mengingat dan mengenal aksara bahasa Arab melalui penggunaan Kad imbasan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, gambar, teks dan simbol-simbol yang terdapat pada kad imbasan membantu memberikan gambaran aksara bahasa Arab.

Selain itu, hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa latih tubi juga merupakan pendekatan pembelajaran aksara bahasa Arab yang sesuai bagi murid disleksia. Melalui temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa latih tubi menjadi salah satu pendekatan yang biasa digunakan dalam mengukuhkan pemahaman murid disleksia terhadap aksara bahasa Arab yang telah dipelajari. Hal ini kerana, latih tubi membolehkan murid disleksia belajar pada kadar yang sesuai dengan keupayaan mereka sendiri. Ini membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada aspek pembelajaran yang memerlukan lebih banyak perhatian, sesuai dengan keperluan dan kelajuan pembelajaran mereka. Latih tubi amat perlu digunakan bagi murid dengan masalah pembelajaran. Mereka menekankan bahawa latih tubi merupakan pendekatan pengajaran yang melibatkan pengulangan fakta atau kecekapan yang diajar. Kaedah ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menghafal atau mengingat sesuatu, dengan matlamat mencapai tahap kemahiran maksimum dan menjadikan maklumat yang dipelajari kekal dalam ingatan. Dengan penekanan pada pengulangan, latih tubi dianggap sebagai strategi yang berkesan dalam membantu murid disleksia untuk memahami dan mengekalkan maklumat dengan lebih cekap.

Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) seperti kad imbasan dan pendekatan latih tubi merupakan strategi yang sangat efektif dalam membantu murid disleksia mempelajari aksara bahasa Arab. Kad imbasan, dengan gabungan visual seperti gambar, teks, dan simbol, serta penggunaan variasi warna, dapat menarik perhatian murid dan meningkatkan daya ingatan mereka terhadap huruf dan aksara. Pendekatan ini membantu mengatasi cabaran yang dihadapi murid disleksia, khususnya dalam memberi tumpuan dan mengenal huruf dengan lebih mudah. Selain itu, pendekatan latih tubi yang menekankan pengulangan fakta dan kecekapan telah terbukti membantu murid disleksia memahami dan mengukuhkan pembelajaran mereka pada kadar yang sesuai dengan keupayaan mereka. Dengan menyediakan peluang pembelajaran berulang, latih tubi meningkatkan penguasaan mereka terhadap aksara bahasa Arab secara berkesan. Oleh itu, integrasi kad imbasan dan latih tubi dalam proses pengajaran dapat memberikan hasil yang positif dalam menyokong pembelajaran murid disleksia, dengan memenuhi keperluan unik mereka secara holistik dan terancang.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai halangan utama yang dihadapi oleh murid disleksia dalam pembelajaran bahasa Arab, terutama dalam aspek literasi asas seperti membaca dan menulis. Cabaran ini berpunca daripada kekeliruan terhadap aksara bahasa Arab serta keterbatasan kebolehan kognitif berbanding rakan sebaya mereka yang bukan disleksia. Untuk mengatasi cabaran ini, kajian mencadangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang direka khusus untuk murid disleksia, termasuk penggunaan bahan bantu mengajar seperti kad imbas dan pendekatan latihan berulang yang sistematik, di samping pengintegrasian elemen persekitaran pembelajaran yang kondusif. Strategi ini bukan sahaja berpotensi meningkatkan pemahaman murid terhadap aksara bahasa Arab, malah dapat membantu memperbaiki literasi mereka secara keseluruhan. Kajian turut menekankan kepentingan pengukuhan latihan guru untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi menyokong pembelajaran murid disleksia secara berkesan. Selain itu, ia mencadangkan penerokaan lanjut terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan, yang boleh menawarkan pendekatan baharu untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran murid disleksia. Kajian ini juga menggariskan keperluan pendekatan multidisiplin melibatkan pakar bahasa, pendidikan khas, dan psikologi kognitif untuk memperhalusi strategi pengajaran. Akhir sekali, terdapat peluang besar bagi penyelidik masa hadapan untuk menyelidiki aspek pemerolehan bahasa dan psikologi kognitif dalam usaha menghasilkan pelbagai strategi inovatif yang dapat memenuhi keperluan khusus murid disleksia.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani, M. T., & Wan Daud, W. A. A. (2018). Bahasa arab untuk pendidikan awal kanak-kanak: satu kajian analisis keperluan: Arabic for early childhood education: a need analysis study. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 7, 70–82. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol7.7.2018>
- Abdul Razif, Z., Noorshamsinar, Z., Hasmadi, H., Muhammad Rezaudin, G., & Mohd Rufian, I. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 45-57. Retrieved from <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/issue>
- Abdullah, Y., & Mokhtar, T. (2009). *Pengenalan Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur: Open University Press.
- Afaf, A. G., Adel, M. A., Mohamed Abdullahi, N., & Muhammad Mustaqim, M. Z. (2005). *Isu Semasa Pengajian Al-Quran Dan Sunnah*. Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah: USIM.
- Azhar, N. I. A., & Shamsudin, I. D. (2023). Need analysis for the development of pretend play module to promote children's social communication skills: Analisis Keperluan Pembinaan Modul Bermain Olok-olok untuk Menggalakkan Kemahiran Komunikasi Sosial Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(1), 35–47. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.4.2023>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis In Psychology: Qualitative research In Psychology.
- Elaine Kolker Horwitz. (2007). *Becoming A Language Teacher: A Practical Guide to Second Language Learning and Teaching* (1st ed.)
- Faridah, M., Mohd Razimi, H., & Nurulhuda, M. H. (2022). Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori dan Kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 29-36.
- Hanani, I. (2017). *Proses Pembuatan Keputusan Industri Butik Vendor Tempatan Di Instagram* (Master's thesis, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia). Retrieved from [https://etd.uum.edu.my/7172/1/s819033\\_01.pdf](https://etd.uum.edu.my/7172/1/s819033_01.pdf)
- Hasnan, K., Mohd Fadzil, M., Siti Sarah, H., & Umar Faruk. (2017). [Interaction factors with Al-Quran in the appreciation process of students' religious lives in Ukm ] Faktor Interaksi dengan al-Quran dalam proses Penghayatan Kehidupan Beragama pelajar-pelajar UKM. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 84-93. doi:10.37231/jimk.2017.15.1.224

- Izan, M. Y., & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2020). Pengajaran Membaca Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua: Aplikasi Kemahiran Dan Strategi. *Persidangan Antarabangsan Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 473-481.
- Leaño, A. J. (2022). Curriculum Implementation, Teachers' Competencies and Preferred Teaching Approaches for Kindergarten Gifted Education Program: An Assessment. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11, 42–63. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.5.2022>
- Mailani, O., Nuraeni, I., Syakila, S. A., & Lazuardi, J. (2022). Bahasa sebagai alat komunikasi dalam kehidupan manusia. *KAMPRET Journal*, 1(2), 01-10. IHSA Institute. ISSN 2828-3678.
- Mega Aisyah Nirmala, & Muhammad Risqi Putra. (2015). Lexipal, Aplikasi Belajar Membaca Permulaan Untuk Anak-Anak Disleksia. *Conference: Seminar Nasional PGSD UPY*, 14-22.
- Mercer, C. D. (1997). *Students with learning disabilities*. U.S.A: Merrille: Prentice Hall.
- Mohammad Taufiq, A. G., & Wan Ab Aziz, W. D. (2018). Bahasa Arab untuk pendidikan awal kanak-kanak: Satu kajian analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 7, 70-82. doi:10.37134/jpak.vol7.7.2018
- Mohd Zuri, G., & Aznan, C. A. (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Muhammad Sabri, S. (2015, September 23). Bahasa Arab Tembusi Pengajian Formal Di Sekolah, *Universiti. Berita Harian*.
- Norzila, Z. (2018). *Kompilasi Kisah Masalah Pembelajaran*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nur Laili Maghfiroh, & Ariga Bahrodin. (2022). Pengaruh Media Pembelajaran Kad imbasan terhadap Kemampuan Membaca Anak Disleksia. *Jurnal Inovasi Kurikulum*, 19(1), 69-78.
- Nur Syafiqah, I., & Nurul Nazirah, M. I. (2018). Keberkesanan Penggunaan Grafik Berkomputer Sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Pelajar Reka Bentuk Dan Teknologi. *Jurnal Sains Humanika*, 10(3-3), 82-87. Retrieved from <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-3.1519>
- Nur Syamira, M. N., & Harun, B. (2021). Masalah Murid Disleksia dan Gaya Pengajaran Guru Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *International Journal Of Advanced Research In Islamic Studies Education ARISE*, 1(2), 26-44.
- Nurul Farhanah, B., & Mohd Jasmy, A. R. (2018). Prevalence Murid Berisiko dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018, UNISZA*.
- Pangastuti, R. (2017). Pembelajaran Al-Quran Anak Usia Dini melalui Metode "Wafa". *Annual Conference on Islamic Early Childhood Education*, 2, 109-122.
- Saiful Johari, M., Nur Afiqah Amanina, K., Roselina, M., & Fauzi, A. (2018). Kemahiran Asas Menulis Perkataan Bahasa Arab di kalangan Pelajar UiTM Pahang. *GADING (Online) Journal for Social Sciences*, 22, 182-190.
- Sharifah Nawirah, S. H. (2016). Model Pemulihan Disleksia Davis Dalam Pembelajaran Kanak-Kanak Disleksia. *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 151-155.
- Shaywitz, S. E., Shaywitz, B. A., & Fulbright, R. (2003). Dyslexia: Specific Reading Disability. *Pediatric Review*, (24), 147-153.
- Sheila, D., & Samsilah, R. (2006). *APA ITU disleksia?: Panduan untuk ibu bapa & guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Sia, S. P., & Abu Bakar, K. (2022). Improving the Addition of Preschool Children Through the use of Concrete and Visual Materials: Meningkatkan Kemahiran Operasi Tambah Kanak-kanak Prasekolah melalui Penggunaan Bahan Konkrit dan Visual. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11, 103–113. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.9.2022>
- Sulistiyaning Putri Utami, & Lulus Irawati. (2017). Bahasa tulis pada anak dengan gangguan disleksia (kajian psikolinguistik). *Jurnal Linguista*, 1(1), 23-29.
- Suzita, S., & Aliza, A. (2021). Pengetahuan Terhadap Disleksia dalam Kalangan Ibu Bapa Di sebuah Sekolah Rendah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 201-213. doi:10.33102/jqss.vol5no1.116.
- Vijayaletchumy, S. & Kavenia, K. (2022). Kemahiran membaca murid disleksia dalam literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 329–346. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no7)
- Zainal, K., & Suhaila, A. (2010). *Pendidikan Disleksia*. Selangor: Penerbitan Multimedia SDN. BHD.
- Zulikha, J., Husniza, H., Hafiza, A., & Faridah Hanim, Y. (2017). *Program Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia Bahasa Melayu: Kurikulum standard Sekolah Rendah. Tahap 1 (Tahun 1, 2, 3)*. Kedah: UUM Press.